


**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti riadah.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan riadah dalam kehidupan**. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KEPENTINGAN BERIADAH**

Mengisi Masa Lapang

Menyihatkan Tubuh Badan

Merapatkan Silaturahim

**Bahagian B**

[100 Markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Kebanyakan remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa hadapan mereka.

Huraikan faktor-faktor pemilihan kerjaya bagi seseorang remaja.

2. Remaja kini banyak menghabiskan masa dengan melayari Internet yang memberikan pelbagai kesan kepada mereka.

Huraikan peranan ibu bapa untuk mengawal penggunaan Internet dalam kalangan anak-anak.

- 3.

**Berjimat Cermat Amalan Mulia**

Ulaskan pernyataan tersebut.

4. Filem-filem Barat telah memberikan pelbagai pengaruh terhadap kehidupan masyarakat sejagat.

Huraikan pengaruh yang diterima oleh masyarakat sebagai akibat kemasukan filem-filem dari Barat ke negara mereka.

5. Peribahasa *bagai lebah menghimpun madu* bermaksud seseorang yang sangat rajin.

Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa tersebut.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**